

# Perluas larangan merokok di kampus

DH-9/1/19 (mls 7).

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**  
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

→ Jangkaan dikuatkuasakan tahun ini di universiti awam, swasta

**K**ementerian Kesihatan bercadang memperluaskan kawasan larangan merokok di semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata larangan itu dijangka dikuatkuasakan tahun ini susulan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan dan dalam bangunan di kawasan Parlimen.

"Kita bercadang menguatkuasakannya di semua universiti, baik awam mahu pun swasta," katanya selepas majlis pelancaran Buku *Fakta Industri Persatuan Farmaseutikal Malaysia* (PhAMA) edisi 2018

yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmaddi, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden PhAMA, Chin Keat Chyuan.

## UiTM isytihar kampus kawasan larangan merokok

Pada masa ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengisytiharkan kampusnya sebagai kawasan larangan merokok bagi kakitangan dan pelajar dan akan diperluaskan kepada pelawat, kata Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Datuk Dr Abdullah Mohamad Said.

Pada 15 Oktober tahun lalu, larangan merokok dikuatkuasakan dalam bangunan di kawasan Parlimen, manakala pada 1 Januari lalu, larangan merokok di tempat makan dikuatkuasakan.



Dr Noor Hisham Abdullah

## Industri farmaseutikal dijangka terus berkembang

Sementara itu, Keat Chyuan berkata, pertumbuhan industri farmaseutikal negara dijangka terus berkembang kepada lapan hingga 10 peratus setiap tahun, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk peningkatan populasi warga tua.

Katanya, faktor lain termasuk peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD), peningkatan pendapatan dan taraf pendidikan penduduk.

"Ketika ini, lebih 445 syarikat termasuk beberapa syarikat farmaseutikal terbesar dunia bertapak di Malaysia.

"Semua syarikat ini sama-sama menyumbang terhadap nilai pasaran industri farmaseutikal sebanyak RM7.5 bilion setakat suku ketiga tahun lalu," katanya.